

02 SEP 2001

Mahathir-Projek

DR MAHATHIR PUASHATI DENGAN PROJEK PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berpuashati dengan perkembangan projek pembangunan di pulau legenda ini terutamanya projek kereta kabel dan pusat membaikpulih kapal layar.

Beliau yakin projek kereta kabel yang menghubungkan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter dengan stesen pangkalan di kompleks membeli belah bersepadu, Oriental Village, dapat disiapkan pada April tahun depan.

Projek bernilai RM45 juta itu kini telah siap 40 peratus dan dijalankan secara usahasama oleh Dopppe-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan.

"Saya tengok kerja membuat limbungan memperbaiki kapal layar berjalan lancar selain memperbesarkan kawasan untuk projek cadangan membina kapal layar di Tanjung Lembang di sini," katanya kepada pemberita di akhir lawatan sehari meninjau perkembangan projek pembangunan di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Projek usahasama antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di kawasan seluas 4.8 hektar itu menyediakan kemudahan moden untuk membina, membaikpulih dan menyenggara kapal layar dan kapal mewah.

Dalam lawatan ke Langkawi pada 8 Julai lepas, Dr Mahathir dukacita dengan PSC yang belum melaksanakan kerja pembinaan projek itu selepas merasmikannya pada April lepas.

Dr Mahathir juga melawat projek pemulihan pantai Kok di Teluk Burau yang menelan belanja RM29.6 juta.

Projek yang dilaksanakan LADA itu akan menjadikan Teluk Burau sebagai sebuah pusat pertumbuhan

Sementara itu, Dr Mahathir berkata hutan paya bakau di Sungai Kilim berpotensi dimajukan sebagai kawasan pelancongan eko kerana keindahannya yang luar biasa.

Dr Mahathir yang menaiki bot memudiki Sungai Kilim di sini dan melalui Gua Tembus ke Tanjung Rhu terpegun dengan kecantikan hutan paya bakau di situ dan yakin ia boleh dijadikan satu lagi produk pelancongan.

"Tak ada satu pun yang begitu cantik di dunia seperti yang terdapat di sini. Ia satu produk yang unik dan fantastik yang boleh menarik pelancong Eropah dan Jepun," katanya.

Dr Mahathir berkata setakat akhir bulan lepas lebih sejuta pelancong telah berkunjung ke Langkawi dan dijangka mencapai sasaran dua juta orang menjelang akhir tahun ini.

-- BERNAMA

NH PR